

07/08/1998

Kaedah lain dapatkan pinjaman

IPOH, Khamis - Malaysia akan terus mencari kaedah lain untuk mendapatkan pinjaman kewangan dari luar bagi memulihkan ekonomi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata cara kerajaan melakukan perkara itu tidak akan didedahkan bagi mengelak 'penyangak mata wang' mencari jalan untuk menggagalkannya.

"Kita akan cari jalan lain, tetapi kita tidak boleh beritahu kerana nanti penyangak mata wang akan cari jalan gagalkan usaha kita itu," katanya pada perhimpunan bersama rakyat di Stadium Indera Mulia, di sini petang ini.

Dr Mahathir berkata, perkara itu terbukti apabila penyangak mata wang menurunkan penarafan kredit Malaysia menerusi dua agensi penarafan antarabangsa Moody's dan Standard and Poor's.

"Ini sengaja dibuat dua hari sebelum Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berlepas ke luar negara untuk menerangkan keadaan ekonomi negara dan mendapatkan pinjaman kewangan.

"Dengan itu (beliau) tidak payah pergi dan berbincang (mengenai pinjaman asing).

"Mereka telah menyerang mata wang kita, mereka telah menyerang saham kita.

"Sekarang mereka menyerang keupayaan kita meminjam dari luar negara.

"Apakah hasrat mereka jika tidak untuk menghancurkan ekonomi negara kita," katanya.

Lebih 10,000 orang termasuk pemimpin Barisan Nasional (BN) dan masyarakat setempat hadir pada perhimpunan itu.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib; Presiden parti komponen BN dari MCA, MIC, Gerakan dan PPP.

Perdana Menteri berkata, pihak berkenaan menjatuhkan keupayaan kredit Malaysia supaya apabila negara hendak berhutang, lebih banyak faedah dikenakan dan ini menyekat kerajaan mendapatkan pinjaman bagi menyelamatkan bank dan syarikat tempatan.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, kefahaman dan kesedaran rakyat mengenai tindakan pihak luar menekan ekonomi negara ini amat penting supaya usaha kerajaan mengatasinya mendapat sokongan semua pihak.

"Rakyat mesti faham kerana jika mereka tidak faham, mereka tidak akan menyokong kerajaan dalam usahanya memulihkan ekonomi negara," katanya.

Menurutnya, pihak luar ingin melihat rakyat menghentam kerajaan seperti di Indonesia sehingga menyaksikan kejatuhan Presiden Suharto yang dituduh merosakkan ekonomi negara itu.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, pertukaran pemimpin tetap tidak menyelesaikan masalah, sebaliknya Barat akan terus menekan dengan menjatuhkan nilai mata wang dan pasaran saham.

Beliau memberi contoh Indonesia meskipun negara itu kini diketuai Presiden B J Habibie, mata wangnya terus ditekan sehingga menjunam 600 peratus daripada 13,000 rupiah bagi AS\$1 ketika pemerintahan Suharto, digoncang kepada 15,000 rupiah sekarang.

"Pihak luar mahu kita tunduk kepada mereka sepanjang masa serta mengambil alih ekonomi dan politik bagi menentukan kepemimpinan sesebuah negara.

"Ini yang dihasratkan mereka dan mereka sedang berusaha ke arah ini.

"Percayalah ini yang mereka hendak. Sekarang ini kita tengok sama ada kerana mereka atau pun tidak, beberapa pemimpin negara sudah ditukar," katanya.

Menurutnya, ini termasuk di Korea Selatan, Jepun, Thailand, Filipina dan Indonesia.

"Yang belum tukar lagi ialah Singapura dan Malaysia saja. Mereka akan mencuba...kalau saya bercakap banyak sangat, mereka akan cuba jatuhkan saya sama," katanya.

Menurut beliau, Barat sebenarnya tamakkan kuasa bukan saja dalam bidang ekonomi, malah politik serta ingin menguasai dunia.

Berikutan itu, beliau sekali lagi mengajak rakyat bersatu dan mengelakkan sebarang huru hara serta perpecahan kaum supaya kerajaan dapat memberi perhatian memulihkan ekonomi negara.

Ketika bercakap kepada pemberita, Dr Mahathir berkata, Barat sememangnya mempunyai kuasa untuk menghancurkan negara lain dan pihak berkenaan sudah tentu tidak mahu Malaysia cuba menyelamatkan ekonominya.

"Apa saja yang kita buat untuk itu, mereka akan sekat. Ini semua dalam bidang kuasa mereka, kita tidak berkuasa," katanya.

(END)